



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542

Rujukan : KKM 87/A2/11-1/0 Jld. 3 (31)
Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN POLISI BARU PROSES KERJA PENDAFTARAN KLINIK SWASTA BAWAH AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998 [AKTA 586]

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang dimaklumi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), menguatkuasakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]. Pada masa kini, prosedur sedia ada bagi permohonan pendaftaran klinik swasta melibatkan dua peringkat proses kerja, iaitu di -

- 2.1 Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta Jabatan Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan (CKAPS JKN/ WP); dan
- 2.2 Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta Ibu Pejabat KKM (CKAPS HQ).

3. Untuk makluman YBhg Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan, permohonan pendaftaran klinik swasta kian meningkat saban tahun dan sehingga 30 Jun 2023, sebanyak 13,733 buah klinik telah didaftarkan. Selaras dengan peningkatan beban kerja ini, Bahagian ini telah mengambil inisiatif mengemas kini proses kerja pendaftaran klinik baru bagi menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan KKM.

4. Secara dasarnya, proses kerja baru ini hanya melibatkan satu peringkat proses kerja sahaja, iaitu di CKAPS HQ, manakala CKAPS JKN/JKWP akan lebih menumpukan kepada aktiviti-aktiviti pemantauan/ penguatkuasaan setelah klinik didaftarkan. Penerangan prosedur proses kerja baru adalah seperti berikut:

- 4.1 Permohonan dengan dokumen sokongan serta bayaran fi pemrosesan akan dikemukakan kepada CKAPS JKN/WP untuk semakan CKAPS JKN/WP untuk memastikan **completeness of the application** berdasarkan **Senarai Semak Pendaftaran Klinik Baru**. Permohonan yang lengkap tersebut akan dihantar ke CKAPS HQ untuk proses selanjutnya;

- 4.2 Permohonan yang diterima CKAPS HQ dari CKAPS JKN/WP tersebut akan diproses untuk memastikan dokumen lengkap dan pelan lantai patuh berdasarkan **Senarai Semak Pelan Lantai, Bukti Bergambar & Pemeriksaan Pematuhan Piawaian (PB3P)**;
- 4.3 Bagi permohonan dengan Orang Yang Bertanggungjawab (OYB) dan pelan lantai yang patuh, **Surat Tiada Halangan Pengubahsuaian** bagi menjalankan pengubahsuaian akan dikeluarkan kepada pemohon dan diberikan tempoh sehingga **tiga (3) bulan** untuk menyiapkan kerja-kerja pengubahsuaian premis berdasarkan pelan lantai yang diluluskan;
- 4.4 Apabila telah siap melakukan pengubahsuaian mengikut pelan lantai yang diluluskan, **Laporan Bukti Bergambar Pasca Pengubahsuaian** mengikut format manual penyediaan laporan bergambar perlu dikemukakan kepada CKAPS HQ;
- 4.5 Permohonan dengan laporan yang telah lengkap dan patuh akan dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Permohonan Lesen Dan Pendaftaran Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta untuk diperakukan dan seterusnya sijil perakuan pendaftaran (Borang B/C) akan dikeluarkan kepada pemegang perakuan pendaftaran; dan
- 4.6 CKAPS JKN/JKWP seterusnya akan menjalankan **Lawatan Pemeriksaan Pematuhan Piawaian (3P)** ke atas klinik dalam tempoh masa **tiga (3) bulan** dari tarikh kelulusan perakuan pendaftaran. Tindakan penguatkuasaan boleh diambil sekiranya klinik beroperasi tidak seperti permohonan yang dikemukakan sebelumnya.

... 5. Untuk itu, bersama ini dilampirkan dokumen berkaitan berkenaan polisi baru proses kerja pendaftaran klinik perubatan/pergigian swasta seperti berikut:

- 5.1 Proses permohonan dan carta alir bagi proses pendaftaran klinik swasta (**Lampiran 1**);
- 5.2 Senarai Semak Permohonan Pendaftaran Klinik Perubatan Swasta (**Lampiran 2A**);
- 5.3 Senarai Semak Permohonan Pendaftaran Klinik Pergigian Swasta (**Lampiran 2B**);
- 5.4 Senarai Semak Pelan Lantai, Bukti Bergambar & Lawatan Pematuhan Piawaian (PB3P) Klinik Perubatan Swasta (**Lampiran 3A**);
- 5.5 Senarai Semak Pelan Lantai, Bukti Bergambar & Lawatan Pematuhan Piawaian (PB3P) Klinik Pergigian Swasta (**Lampiran 3B**);
- 5.6 Manual penyediaan laporan bukti bergambar pasca pengubahsuaian untuk pemohon (**Lampiran 4A**); dan
- 5.7 *Template* laporan bukti bergambar pasca pengubahsuaian untuk pemohon (**Lampiran 4B**).

6. Dimaklumkan pelaksanaan proses kerja baru pendaftaran klinik tersebut akan dijalankan secara berfasa seperti berikut:

Fasa	Tarikh pelaksanaan	Negeri yang terlibat
Fasa pertama	1 Oktober 2023	Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu
Fasa kedua	1 Januari 2024	Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Sarawak, Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan


Sehubungan itu, dikemukakan perkara di atas untuk perhatian dan makluman pihak YBhg Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan. Keprihatian dan kerjasama pihak YBhg Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan amatlah dihargai dan dialu-alukan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.:

YBhg Dato' Dr. Asmayani binti Khalib
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), KKM

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

YBrs Dr. Mohamed Iqbal bin Hamzah
Pengarah Amalan Perubatan

YBrs Dr. Mimi Zalwani binti Zakaria
Timbalan Pengarah
Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta

Semua Ketua
Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta
Jabatan Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan (CKAPS JKN/WP)

SENARAI EDARAN

1. Malaysian Medical Association (MMA)
4th Floor, MMA House
124, Jalan Pahang
53000 WP Kuala Lumpur
2. Federation of Private Medical Practitioners Associations Malaysia (FPMPAM)
Unit 1.6, Level 1, Enterprise 3B
Jalan Inovasi 1, Technology Park Malaysia
Lebuhraya Puchong – Sungai Besi, Bukit Jalil
57000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
3. Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia (MPCAM)
No 17-2, Jln PJS 8/12
Dataran Sunway Mentari
46150 Petaling Jaya, Selangor
4. Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM)
B-G-39, Apartment Sri Penara
Jalan Sri Permaisuri 1, Bandar Sri Permaisuri
Cheras, 56000 Kuala Lumpur
5. Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM)
3495, Garden Steer, Jinjang Utara
52000 WP Kuala Lumpur
6. Malaysian Society of Aesthetic Medicine (MSAM)
Suite 313, Lot PO5A,
Empire Shopping Gallery, Jalan SS 16/1
47500 Subang Jaya, Selangor
7. Pertubuhan Doktor Estetik Berdaftar Malaysia (PDEBM)
S62-1, Encorp Strand Mall
Jalan PJU 5/22
47810 Petaling Jaya, Selangor
8. Persatuan Doktor Pergigian Swasta Malaysia
Level 5, Blok A3, Pusat Dagang Setia Jaya
Jalan Klang Lama, Pusat Dagang Setia Jaya,
47300 Petaling Jaya, Selangor

LAMPIRAN 1

CARTA ALIR BAGI PROSES PERMOHONAN PENDAFTARAN KLINIK SWASTA

**PROSES KERJA PERMOHONAN PENDAFTARAN
KLINIK PERUBATAN/ PERGIGIAN SWASTA BARU**



Singkatan

- CKAPS : Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta
- JKN : Jabatan Kesihatan Negeri
- WP : Wilayah Persekutuan
- HQ : Ibu Pejabat (Putrajaya)
- COR : Certificate of Registration

LAMPIRAN 2A

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENDAFTARAN KLINIK PERUBATAN SWASTA

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN PENDAFTARAN KLINIK PERUBATAN SWASTA
Perlu dibaca bersama-sama dengan Garis Panduan Memproses Permohonan Pendaftaran Klinik Swasta

Nama Klinik <i>(rujuk Garis Panduan)</i>		Patuh: Ya (v) / Tidak (X)	
No. ID MyMedPCs			
Alamat Klinik yang lengkap <i>(rujuk alamat di cukai taksiran, bil utiliti atau dokumen lain yang berkaitan)</i>			
Jenis Klinik	Klinik Perubatan Umum		
	Klinik Perubatan Pakar (nyatakan jenis kepakaran: _____)		
	Klinik Perubatan Umum dengan perkhidmatan <i>Aesthetics as area of interest</i>		

BIL	PERKARA	ADA (v) / TIADA (X)	CATATAN
A	MAKLUMAT UMUM		
1	Borang A : (a) diisi <i>online</i> di laman web https://mymedpcs.moh.gov.my ; (b) perkara yang diisi lengkap dan selaras dengan dokumen sokongan; (c) tarikh penubuhan klinik haruslah 3 bulan dari tarikh permohonan diterima di CKAPS JKN/WP; (d) tulis ID no myMedpcs bagi permohonan tersebut di sebelah perkataan " <i>A. information of private clinic</i> "; (e) dicetak 2 salinan; dan (f) ditandatangani oleh pemohon berserta tarikh (tanda tangan dalam bentuk <i>scan digital</i> tidak diterima)		
2	Fi pemprosesan : Kiriman wang/draf bank bernilai RM500 atas nama (a) Pengarah Kesihatan Negeri ... (rujuk bahagian kewangan negeri masing-masing) bagi Jabatan Kesihatan Negeri; atau (b) Ketua Akauntan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan KL & Putrajaya/ Wilayah Persekutuan Labuan		
3	Senarai jenis-jenis perkhidmatan yang akan disediakan di klinik: (a) Bagi <u>klinik umum dan pakar</u> , perkhidmatan adalah di bawah skop pesakit luar sahaja; - Sebagai contoh: Bagi Klinik Umum, perkhidmatan <i>ultrasound</i> (USG) adalah terhad kepada USG antenatal sahaja, manakala <i>minor surgery</i> yang boleh dilakukan adalah <i>toilet and suturing</i> (T&S), <i>incision and drainage</i> (I&D), <i>nail avulsion repair</i> , <i>wound debridement etc.</i> - Tidak menyediakan perkhidmatan/rawatan yang memerlukan <i>sedation</i> dan pemerhatian (b) Bagi <u>klinik estetik</u> , senarai perkhidmatan estetik adalah sama seperti yang tersenarai dalam Sijil <i>Letter of Credentialing and Privileging</i> (LCP) terkini.		

BIL	PERKARA	ADA (✓) / TIADA (X)	CATATAN
B	MAKLUMAT PEMOHON (APPLICANT)		
1	Salinan Kad Pengenalan yang diperakui sah .		
2	Salinan sijil kelayakan profesional yang diperakui sah : (a) Sijil kelayakan asas dan salinan sijil MQE (sekiranya dari universiti yang tidak diiktiraf oleh MMC); dan (b) Sijil Pasca Ijazah/ Kepakaran (jika berkaitan).		
3	Salinan Perakuan Pendaftaran Penuh yang diperakui sah .		
4	Salinan Perakuan Amalan Tahunan (APC) tahun semasa yang diperakui sah : (a) Jika tertera nama & alamat <u>fasiliti kesihatan KKM</u> , pastikan Surat Pengesahan Peletakan Jawatan daripada fasiliti KKM disertakan; atau (b) Jika tertera nama & alamat <u>fasiliti kesihatan kerajaan bukan KKM</u> , pastikan surat kebenaran daripada Ketua Jabatan Kementerian/Ketua Jabatan disertakan. <i>(definisi Ketua Jabatan adalah bergantung kepada Unit Integriti Institusi/Universiti berkenaan).</i>		
5	Akuan Berkanun (Statutory Declaration) original yang terkini yang menyatakan: (a) Nama penuh; (b) Nombor Kad Pengenalan; (c) Tarikh; dan (d) Tertera " <i>tidak disabitkan dengan kesalahan melibatkan fraud atau ketidakjujuran atau bankrap yang belum dilepaskan</i> ".		
6	Salinan Sijil <i>National Specialist Register of Malaysia</i> (NSR) sebagai pakar (Form 13) yang diperakui sah (jika berkaitan)		
C	MAKLUMAT ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB (OYB/PIC) – JIKA BERLAINAN DARI PEMOHON		
1	Salinan Kad Pengenalan yang diperakui sah .		
2	Salinan sijil kelayakan profesional yang diperakui sah : (a) Sijil kelayakan asas dan salinan sijil MQE (sekiranya dari universiti yang tidak diiktiraf oleh MMC); dan (b) Sijil Pasca Ijazah/ Kepakaran (jika berkaitan).		
3	Salinan Perakuan Pendaftaran Penuh yang diperakui sah . <i>(sekiranya tidak melengkapkan khidmat wajib 2 tahun, perlu mengemukakan Surat Pemakluman Perletakan Jawatan dari fasiliti KKM Surat Kelulusan Pengurangan Tempoh Khidmat Wajib di bawah Seksyen 42, Akta Perubatan 1971)</i>		
4	Salinan Perakuan Amalan Tahunan (APC) tahun semasa yang diperakui sah : (a) Jika tertera nama & alamat fasiliti kesihatan KKM, pastikan surat pengesahan peletakan jawatan daripada KKM disertakan; atau (a) Jika tertera nama & alamat fasiliti kesihatan kerajaan bukan KKM, pastikan surat kebenaran daripada Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan disertakan (definisi Ketua Jabatan adalah bergantung kepada Unit Integriti Institusi/Universiti berkenaan).		
5	Salinan Sijil <i>National Specialist Register of Malaysia</i> (NSR) sebagai pakar (Form 13) yang diperakui sah (jika berkaitan)		
6	Salinan Sijil <i>Letter of Credentialing and Privileging</i> yang sah tempoh beserta lampiran yang diperakui sah (jika berkaitan)		
7	Surat akuan setuju terima pelantikan sebagai OYB dan <u>tidak menjadi OYB di KPJKS lain yang original</u> . <i>*tiada pertindihan OYB (1 OYB hanya untuk 1 KPJKS)</i>		

BIL	PERKARA	ADA (✓) / TIADA (X)	CATATAN
D	MAKLUMAT PERKONGSIAN, PERTUBUHAN PERBADANAN/ PERTUBUHAN (jika berkaitan)		
1	Bagi Perkongsian: - Salinan <i>Limited Liability Partnership (LLP) profile</i> [Profil Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)] yang terkini dan diperakui sah .		
2	Bagi pertubuhan perbadanan: (a) Maklumat Syarikat SSM (<i>Corporate Information</i>) yang terkini dan diperakui sah ; (b) Bagi pertubuhan perbadanan dengan kakitangan kerajaan sebagai ahli lembaga pengarah atau pemegang saham, perlu kemukakan Surat Kebenaran dari Ketua Jabatan (bergantung kepada takrifan Ketua Jabatan di kementerian masing-masing); (c) Bagi pertubuhan perbadanan dengan syarikat lain sebagai <i>shareholders</i> , perlu kemukakan <i>corporate information SSM</i> syarikat terbabit (d) Bagi pertubuhan perbadanan dengan pegangan ekuiti asing didalam <i>shareholders</i> , perlu kemukakan <i>Self-Declaration</i> berkaitan pegangan ekuiti asing bagi <i>Ultimate Holding Company</i> dengan maklumat dan dokumen seperti berikut: (i) Butiran negara asal & peratusan pegangan ekuiti asing; dan (ii) <i>Management control agreement</i> (jika berkaitan).		
3	Bagi pertubuhan: (a) Borang 3 (sijil Pendaftaran Pertubuhan), Akta Pertubuhan 1966 yang diperakui sah ; (b) Butiran pemegang jawatan yang didaftarkan; dan (c) Undang-undang Pertubuhan tersebut.		
E	MAKLUMAT KAKITANGAN (di mana berkaitan)		
1	Pegawai perubatan/Pakar (jika berkaitan): (a) Salinan Kad Pengenalan yang diperakui sah ; (b) Salinan Sijil Kelayakan Asas yang diperakui sah ; (c) Salinan Perakuan Pendaftaran Penuh yang diperakui sah ; (d) Salinan APC tahun semasa yang diperakui sah ; (e) Salinan Sijil Pasca Ijazah (bagi Pakar) yang diperakui sah ; dan (f) Salinan Sijil <i>NSR</i> (bagi Pakar) yang diperakui sah .		
2	Penolong Pegawai Perubatan/Jururawat/Profesional jagaan kesihatan lain (eg Juru X-ray): (a) Salinan Kad Pengenalan yang diperakui sah ; (b) Salinan Kelayakan yang diperakui sah ; (c) Salinan Perakuan Pendaftaran Penuh yang diperakui sah ; dan (d) Salinan APC tahun semasa yang diperakui sah .		
3	Anggota Sokongan: Salinan Kad Pengenalan yang diperakui sah .		
F	DOKUMEN LAIN		
1	Penyata Kewangan Penubuhan Klinik (kos penubuhan klinik)		
2	Gambar lokasi klinik: - Dari depan (menunjukkan kedudukan itu berhubung dengan sempadan tapak itu, dengan mana-mana bangunan sedia ada pada atas atau bersebelahan dengan tapak itu); dan - Dari belakang.		
3	Pelan Lantai (<i>Layout Plan</i>) - <i>sekurang-kurangnya dilukis oleh pelukis pelan (draughtsman/draftsman)</i> : (a) Tarikh lukisan pelan; (b) Nama & alamat lengkap klinik (sama dengan Borang A);		

BIL	PERKARA	ADA (✓) / TIADA (X)	CATATAN
	(c) Skala 1:100 sahaja; (d) Saiz A3 atau A4; (e) <i>Fully Loaded</i> lengkap dengan <i>legend</i> ; (f) <i>Ceiling height</i> untuk setiap ruang; dan (g) Menggunakan ukuran <i>meter(m)</i> atau <i>centimeter (cm)</i> sahaja		
4	Surat aku janji original dan bukti bergambar (bagi tangga /pintu laluan pesakit) sekiranya lokasi klinik terletak di tingkat 1 dan ke atas dari aras tanah (bukan <i>ground floor</i>) (rujuk <i>Garis Panduan Memproses Permohonan Pendaftaran Klinik Perubatan/ Pergigian Swasta</i>)		
5	Surat sokongan/kelulusan untuk beroperasi sebagai klinik dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sekiranya lokasi klinik terletak di aras melebihi 12 tingkat atau 48 meter dari aras tanah.		
6	Perakuan Kelayakan Menduduki Bangunan (CF)/ <i>Certificate of Completion and Compliance (CCC)</i> / Perakuan Jabatan berkaitan/Cukai Taksiran yang diperakui sah.		
7	Sijil Lesen Tenaga Atom dan Lampiran A yang diperakui sah. (jika berkaitan)		
8	Salinan Sijil Layak Menggunakan <i>Autoclave</i> (Perakuan Kelayakan Dandang) yang diperakui sah (jika berkaitan).		
9	Salinan Perjanjian Pembuangan Sisa Klinikal yang terkini dan sah laku yang diperakui sah (tertera nama klinik dan alamat klinik yang akan didaftarkan).		
10	Salinan Perjanjian Kawalan Vektor yang terkini dan sah laku yang diperakui sah (tertera nama klinik dan alamat klinik yang akan didaftarkan).		
11	<i>Artwork</i> papan tanda nama klinik dan/atau kelulusan <i>artwork</i> dari PBT/DBP (jika berkaitan) (Rujuk <i>Garis Panduan Memproses Permohonan Pendaftaran Klinik Perubatan/ Pergigian Swasta</i> dan <i>Garis Panduan papan tanda klinik & syarat dari Pihak Berkuasa Tempatan</i>)		

Rujukan :

1. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586];
2. Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 [P.U. (A) 137/2006];
3. Garis Panduan Memproses Permohonan Pendaftaran Klinik Perubatan/ Pergigian Swasta 30 Ogos 2022; dan
4. Garis Panduan lain berkaitan Akta 586 terkini

ULASAN & CADANGAN:

Disemak oleh:

Disahkan oleh CKAPS JKN/WP:

.....
Nama:

Jawatan:

Tarikh :

.....
Nama:

Jawatan:

Tarikh :

LAMPIRAN 2B

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENDAFTARAN KLINIK PERGIGIAN SWASTA

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN PENDAFTARAN KLINIK PERGIGIAN SWASTA
Perlu dibaca bersama-sama dengan Garis Panduan Memproses Permohonan Pendaftaran Klinik Swasta

Nama klinik (rujuk kepada Garis Panduan)		Patuh: Ya (v) / Tidak (X)	
No. ID MyMedPCs			
Alamat Klinik yang lengkap (rujuk alamat di cukai taksiran, bil utiliti atau dokumen lain yang berkaitan)			
Jenis Klinik	Klinik Pergigian Umum		
	Klinik Pergigian Pakar* (nyatakan:)		

BIL	PERKARA	ADA (v) / TIADA (X)	CATATAN
A	MAKLUMAT UMUM		
1	Borang A : (a) diisi <i>online</i> di laman web https://mymedpcs.moh.gov.my ; (b) perkara yang diisi lengkap dan selaras dengan dokumen sokongan; (c) tarikh penubuhan klinik haruslah 3 bulan dari tarikh permohonan diterima di CKAPS JKN/WP; (d) tulis ID no myMedpcs bagi permohonan tersebut di sebelah perkataan " <i>A. information of private clinic</i> "; (e) dicetak 2 salinan; dan (f) ditandatangani oleh pemohon berserta tarikh dan cop rasmi pertubuhan perbadanan (jika berkaitan) (tanda tangan dalam bentuk <i>scan digital tidak diterima</i>)		
2	Fi pemprosesan : Kiriman wang/draf bank bernilai RM500 atas nama (a) Pengarah Kesihatan Negeri ... (rujuk bahagian kewangan negeri masing-masing) bagi Jabatan Kesihatan Negeri; atau (b) Ketua Akauntan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan KL & Putrajaya/ Labuan		
3	Senarai jenis-jenis perkhidmatan yang akan disediakan di klinik - selaras dengan jenis klinik (umur/pakar*)		

BIL	PERKARA	ADA (√) / TIADA (X)	CATATAN
B	MAKLUMAT PEMOHON (APPLICANT)		
1	Salinan Kad Pengenalan yang diperakui sah .		
2	Akuan Berkanun (<i>Statutory Declaration</i>) original yang terkini yang menyatakan: (a) Nama penuh; (b) Nombor kad pengenalan; (c) Tarikh; dan Tertera " <i>tidak disabitkan dengan kesalahan melibatkan fraud atau ketidakjujuran atau bankrap yang belum dilepaskan</i> "		
3	Bagi Pengamal Pergigian (bukan pakar): (a) Salinan sijil kelayakan asas yang diperakui sah ; (b) Salinan Perakuan Pendaftaran (Borang 19) yang diperakui sah ; dan (c) Salinan Perakuan Pengamalan Tahunan Pengamal Pergigian (Borang 27) tahun semasa yang diperakui sah :		
	(i) Jika tertera nama & alamat fasiliti kesihatan KKM, pastikan surat pengesahan peletakan jawatan daripada KKM disertakan; atau		
	(ii) Jika tertera nama & alamat fasiliti kesihatan kerajaan bukan KKM, pastikan surat kebenaran daripada Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan disertakan. (<i>definisi Ketua Jabatan adalah bergantung kepada Unit Integriti Institusi/Universiti berkenaan</i>).		
4	Bagi Pakar Pergigian: (a) Salinan sijil kelayakan asas yang diperakui sah; (b) Salinan Sijil Pasca Ijazah/ Kepakaran yang diperakui sah; (c) Salinan Perakuan Pendaftaran (Borang 19) yang diperakui sah; (d) Salinan Perakuan Pendaftaran (Borang 20) yang diperakui sah; (e) Salinan Perakuan Pengamalan Tahunan Pengamal Pergigian (Borang 27) tahun semasa yang diperakui sah ; dan (f) Salinan Perakuan Pengamalan Tahunan Pakar Pergigian (Borang 28) tahun semasa yang diperakui sah .		
	(i) Jika tertera nama & alamat fasiliti kesihatan KKM, pastikan surat pengesahan peletakan jawatan daripada KKM disertakan; atau		
	(ii) Jika tertera nama & alamat fasiliti kesihatan kerajaan bukan KKM, pastikan surat kebenaran daripada Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan disertakan. (<i>definisi Ketua Jabatan adalah bergantung kepada Unit Integriti Institusi/Universiti berkenaan</i>).		
5	Surat pelantikan pemohon sebagai orang yang diberi kuasa (OYDK) oleh pertubuhan perbadanan perlu ditandatangani oleh $\geq 51\%$ Ahli Lembaga Pengarah yang original		

BIL	PERKARA	ADA (√) / TIADA (X)	CATATAN	
C	MAKLUMAT ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB (OYB/PIC) – JIKA BERLAINAN DARI PEMOHON			
	1	Salinan Kad Pengenalan yang diperakui sah.		
	2	Akuan Berkanun (<i>Statutory Declaration</i>) original yang terkini yang menyatakan: (a) Nama penuh; (b) Nombor kad pengenalan; (c) Tarikh; dan (d) Tertera " <i>tidak disabitkan dengan kesalahan melibatkan fraud atau ketidakjujuran atau bankrap yang belum dilepaskan</i> ".		
	3	Bagi Pengamal Pergigian (bukan pakar): (a) Salinan sijil kelayakan asas yang diperakui sah; (b) Salinan Perakuan Pendaftaran (Borang ?19) yang diperakui sah; dan (c) Salinan Perakuan Pengamalan Tahunan Pengamal Pergigian (Borang 27) tahun semasa yang diperakui sah:		
		(i) Jika tertera nama & alamat fasiliti kesihatan KKM, pastikan surat pengesahan peletakan jawatan daripada KKM disertakan; atau		
		(ii) Jika tertera nama & alamat fasiliti kesihatan kerajaan bukan KKM, pastikan surat kebenaran daripada Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan disertakan. (<i>definisi Ketua Jabatan adalah bergantung kepada Unit Integriti Institusi/Universiti berkenaan</i>).		
	4	Bagi Pakar Pergigian: (a) Salinan sijil kelayakan asas yang diperakui sah; (b) Salinan Sijil Pasca Ijazah/ Kepakaran yang diperakui sah; (c) Salinan Perakuan Pendaftaran (Borang 19) yang diperakui sah; (d) Salinan Perakuan Pendaftaran (Borang 20) yang diperakui sah; (e) Salinan Perakuan Pengamalan Tahunan Pengamal Pergigian (Borang 27) tahun semasa yang diperakui sah; dan (f) Salinan Perakuan Pengamalan Tahunan Pakar Pergigian (Borang 28) tahun semasa yang diperakui sah.		
		(i) Jika tertera nama & alamat fasiliti kesihatan KKM, pastikan surat pengesahan peletakan jawatan daripada KKM disertakan; atau		
		(ii) Jika tertera nama & alamat fasiliti kesihatan kerajaan bukan KKM, pastikan surat kebenaran daripada Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Jabatan disertakan. (<i>definisi Ketua Jabatan adalah bergantung kepada Unit Integriti Institusi/Universiti berkenaan</i>).		
	5	Surat akuan setuju terima pelantikan sebagai OYB dan tidak menjadi OYB di KPJKS lain yang original . *tiada pertindihan OYB (1 OYB hanya untuk 1 klinik)		

BIL	PERKARA	ADA (√) / TIADA (X)	CATATAN
D	MAKLUMAT PERTUBUHAN PERBADANAN (jika berkaitan)		
1	<p>Maklumat Syarikat SSM (<i>Corporate Information</i>) yang terkini dan diperakui sah;</p> <p>Bagi pertubuhan perbadanan dengan pegangan ekuiti asing di dalam <i>shareholders</i>, kemukakan <i>Self-Declaration</i> berkaitan pegangan ekuiti asing bagi <i>Ultimate Holding Company</i> dengan maklumat dan dokumen seperti berikut:</p> <p>(a) Butiran negara asal & peratusan pegangan ekuiti asing; dan (b) <i>Management control agreement</i> (sekiranya berkaitan).</p>		
2	<p>Maklumat Ahli Lembaga Pengarah:</p> <p>(a) Salinan Kad Pengenalan yang diperakui sah;</p> <p>(b) Akuan Berkanun (<i>Statutory Declaration</i>) original yang terkini yang menyatakan:</p> <p>(i) Nama penuh; (ii) Nombor kad pengenalan; (iii) Tarikh; dan (iv) Tertera "<i>tidak disabitkan dengan kesalahan melibatkan fraud atau ketidakjujuran atau bankrap yang belum dilepaskan</i>".</p> <p>(c) Bagi pengamal pergigian atau pakar pergigian, kemukakan salinan yang diperakui sah:</p> <p>(i) Salinan sijil kelayakan asas; (ii) Salinan Sijil Pasca Ijazah/ Kepakaran (jika berkaitan); (iii) Salinan Perakuan Pendaftaran (Borang 19); (iv) Salinan Perakuan Pendaftaran (Borang 20) (jika berkaitan); (v) Salinan Perakuan Pengamalan Tahunan Pengamal Pergigian (Borang 27) tahun semasa; dan (vi) Salinan Perakuan Pengamalan Tahunan Pakar Pergigian (Borang 28) tahun semasa (jika berkaitan).</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jika tertera nama & alamat fasiliti kesihatan KKM, pastikan surat pengesahan peletakan jawatan daripada KKM disertakan; atau • Jika tertera nama & alamat fasiliti kesihatan kerajaan bukan KKM, pastikan surat kebenaran daripada Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan disertakan. (<i>definisi Ketua Jabatan adalah bergantung kepada Unit Integriti Institusi/Universiti berkenaan</i>). 		
E	MAKLUMAT KAKITANGAN (di mana berkaitan)		
1	<p>Bagi pengamal pergigian atau pakar pergigian, kemukakan salinan yang diperakui sah:</p> <p>(a) Salinan sijil kelayakan asas; (b) Salinan Sijil Pasca Ijazah/ Kepakaran (jika berkaitan);</p>		

BIL	PERKARA	ADA (v) / TIADA (X)	CATATAN
	(c) Salinan Perakuan Pendaftaran (Borang 19); (d) Salinan Perakuan Pendaftaran (Borang 20) (jika berkaitan); (e) Salinan Perakuan Pengamalan Tahunan Pengamal Pergigian (Borang 27) tahun semasa; dan (f) Salinan Perakuan Pengamalan Tahunan Pakar Pergigian (Borang 28) tahun semasa (jika berkaitan).		
2	Juruterapi Pergigian: (a) Salinan Kad Pengenalan yang diperakui sah ; (b) Salinan Kelayakan yang diperakui sah ; (c) Salinan Perakuan Pendaftaran (Borang 18) yang diperakui sah ; (d) Salinan Perakuan Pendaftaran Pascaasas (Borang 22) yang diperakui sah (jika berkaitan); dan (e) Salinan APC (Borang 29) tahun semasa yang diperakui sah ; (f) Salinan APC Pascaasas (Borang 30) tahun semasa yang diperakui sah .		
3	Anggota Sokongan: Salinan kad pengenalan yang diperakui sah		
F	DOKUMEN LAIN		
1	Penyata Kewangan Penubuhan Klinik (kos penubuhan klinik).		
2	Gambar lokasi yang menunjukkan kedudukan bangunan itu berhubung dengan sempadan tapak itu, dengan mana-mana bangunan sedia ada pada atas atau bersebelahan dengan tapak itu.		
3	Pelan Lantai (<i>Layout Plan</i>) - <i>sekurang-kurangnya dilukis oleh pelukis pelan (draughtsman/draftsman)</i> : (i) Skala 1:100 sahaja; (ii) Saiz A3 atau A4; (iii) <i>Fully Loaded</i> lengkap dengan <i>legend</i> ; (iv) Tarikh; dan (v) Nama & alamat lengkap klinik (sama dengan yang dimohon dalam Borang A) (vi) <i>Ceiling height</i> untuk setiap ruang; dan (vii) Menggunakan ukuran <i>meter(m)</i> atau <i>centimeter (cm)</i> sahaja		
4	Surat aku janji <i>original</i> dan bukti bergambar (bagi tangga /pintu laluan pesakit) sekiranya lokasi klinik terletak di tingkat 1 dan ke atas dari aras tanah (bukan <i>ground floor</i>) (rujuk <i>Garis Panduan Memproses Permohonan Pendaftaran Klinik Perubatan/ Pergigian Swasta</i>).		
5	Surat sokongan/kelulusan untuk beroperasi sebagai klinik dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sekiranya lokasi klinik terletak di aras melebihi 12 tingkat atau 48 meter dari aras tanah.		
6	Perakuan Kelayakan Menduduki Bangunan (<i>CF</i>)/ <i>Certificate of Completion and Compliance (CCC)</i> / Perakuan Jabatan berkaitan/Cukai Taksiran yang diperakui sah .		

BIL	PERKARA	ADA (v) / TIADA (X)	CATATAN
7	Sijil Lesen Tenaga Atom dan Lampiran A yang diperakui sah . (jika berkaitan)		
8	Salinan Sijil Layak Menggunakan <i>Autoclave</i> (Perakuan Kelayakan Dandang)/ Pemeriksaan Pertama Jentera oleh JKPP/ Salinan Permohonan Jentera yang diperakui sah (jika berkaitan).		
9	Salinan Perjanjian Pembuangan Sisa Klinikal yang terkini dan sah laku yang diperakui sah (tertera nama klinik dan alamat klinik yang akan didaftarkan).		
10	Salinan Perjanjian Kawalan Vektor yang terkini dan sah laku yang diperakui sah (tertera nama klinik dan alamat klinik yang akan didaftarkan).		
11	<i>Artwork</i> papan tanda nama klinik dan/atau kelulusan <i>artwork</i> dari PBT/DBP (jika berkaitan) [Rujuk Garis Panduan Memproses Permohonan Pendaftaran Klinik Perubatan/ Pergigian Swasta dan Guidelines & Provisions for Public Information (MDC) & Syarat dari Pihak Berkuasa Tempatan]		

Rujukan :

1. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586];
2. Akta Pergigian 2018 [Akta 804];
3. Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 [P.U. (A) 137/2006]; dan
4. Garis Panduan Memproses Permohonan Pendaftaran Klinik Perubatan/ Pergigian Swasta 30 Ogos 2022.

ULASAN & CADANGAN:

Disemak oleh:

Disahkan oleh CKAPS JKN/WP:

.....
Nama:

Jawatan:

Tarikh :

.....
Nama:

Jawatan:

Tarikh :

LAMPIRAN 3A

SENARAI SEMAK PELAN LANTAI, BUKTI BERGAMBAR & LAWATAN PEMATUHAN PIAWAIAN (PB3P) KLINIK PERUBATAN SWASTA

**SENARAI SEMAK PELAN LANTAI, BUKTI BERGAMBAR DAN PEMERIKSAAN PEMATUHAN PIAWAIAN
(KLINIK PERUBATAN SWASTA)**

Nama Klinik:	
Alamat Klinik:	
No. ID MyMedPCs:	
No. Fail (KKM87/A2/....)	

AKTA / PERATURAN / GARIS PANDUAN / STANDARD	NO	PERKARA	PELAN LANTAI		ULASAN	BUKTI BERGAMBAR		ULASAN	PEMERIKSAAN PEMATUHAN PIAWAIAN		ULASAN
			PEMATUHAN			PEMATUHAN			PEMATUHAN		
			YA (✓) / TIDAK (X)			YA (✓) / TIDAK (X)			YA (✓) / TIDAK (X)		
			TARIKH SEMAKAN			TARIKH SEMAKAN			TARIKH PEMERIKSAAN		
A. INFRASTRUKTUR INFRASTRUCTURE											
	1.	TAJUK PELAN LANTAI <i>FLOOR PLAN TITLED</i>	✓/X		ULASAN:						
	2.	PETUNJUK YANG LENGKAP <i>COMPLETE LEGEND</i>	✓/X		ULASAN:						
	3.	SKALA 1:100 (1cm = 1m) <i>SCALE 1:100</i>	✓/X		ULASAN:						
	4.	PAPAN TANDA LUAR KLINIK /ARTWORK CLINIC SIGNBOARD									
S.108	a.	Nama pada papan tanda hendaklah sama dengan nama klinik pada borang A <i>Name on the signboard must be the same as the name of the clinic on form A</i>									
	b.	Tidak mengelirukan orang awam tentang jenis atau sifat kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan <i>Must not mislead the public on the type or nature of the facilities or services provided</i>									
	c.	Tidak mempamerkan senarai perkhidmatan pada papan tanda <i>Not displaying list of services at the signboard</i>									
	d.	Slogan tidak dibenarkan <i>Slogans are not allowed</i>									
	e.	Nama pada papan tanda mestilah sama dengan artwork yang telah diluluskan <i>Name on the signboard must be the same as the artwork that has been approved</i>									
	f.	Jika terdapat terjemahan bahasa lain, maksudnya perlu sama dengan nama klinik (jika berkaitan) <i>Other language translation must have the same meaning as the clinic's name (if available)</i>									

AKTA / PERATURAN / GARIS PANDUAN / STANDARD	NO	PERKARA	PELAN LANTAI	ULASAN	BUKTI BERGAMBAR	ULASAN	PEMERIKSAAN PEMATUHAN PIAWAIAN	ULASAN
			PEMATUHAN		PEMATUHAN		PEMATUHAN	
			YA (✓) / TIDAK (X)		YA (✓) / TIDAK (X)		YA (✓) / TIDAK (X)	
			TARIKH SEMAKAN		TARIKH SEMAKAN		TARIKH PEMERIKSAAN	
P.41	5.	PAPAN TANDA DAN LABEL SIGNS AND LABELS						
		Sistem papan tanda dan pelabelan yang sesuai hendaklah ada <i>There shall be proper signage and labelling system</i>						
P.34(1), (2)	6.	PERSEKITARAN ENVIRONMENT						
		Lokasi tidak terdedah kepada asap, bau busuk habuk atau bunyi bising yang berlebihan <i>Location free from undue noise or exposure to excessive smoke etc</i>						
	7.	PINTU MASUK / KECEMASAN MAIN ENTRANCE / EMERGENCY EXIT						
P37(1)	a.	PINTU MASUK MAIN ENTRANCE Bukaan lega pintu $\geq 1.2m$ dan tidak berayun ke koridor <i>Door clear opening $\geq 1.2m$ and shall not swing to the corridors</i>						
P.18(1)(b) dan P.90 Uniform Building By- Laws (UBBL) 1984 (172)	b.	PINTU KECEMASAN (jika berkaitan) EMERGENCY EXIT (if applicable) (i) Pintu kecemasan tidak berada di dalam Bilik Perundingan / Rawatan <i>Emergency exit should not be in the Consultation / Treatment Room</i> (ii) Tidak boleh ada halangan seperti kelengkapan / perabot menghalang laluan keluar <i>No obstruction such as equipment / furniture obstruct the exit</i> (iii) Perlu menyediakan label laluan / pintu kecemasan yang jelas <i>Must provide clear signage for emergency exit</i>						
P.36(1)	c.	Tanjakan di hadapan pintu klinik (mudah alih / tetap) <i>Front door ramps (portable / fix)</i>						
P.36(2)	d.	Cerun <i>ramp tetap</i> tidak melebihi 1:12 <i>Fix slope not exceeding 1:12</i>						
MS1184:2014 (5.1B)	(i)	Tinggi (m) <i>Height</i>						
	(ii)	Panjang (m) <i>Length</i>						
Uniform Building by Law (UBBL) 1984	(iii)	Nisbah kecerunan <i>Slope of ramps</i>						
	e.	Bukaan lega tangga $\geq 1.1m$ (jika berkaitan) <i>Clear opening of the stairway $\geq 1.1m$ wide (if applicable)</i>						

AKTA / PERATURAN / GARIS PANDUAN / STANDARD	NO	PERKARA	PELAN LANTAI	ULASAN	BUKTI BERGAMBAR	ULASAN	PEMERIKSAAN PEMATUHAN PIAWAIAN		ULASAN
			PEMATUHAN		PEMATUHAN		PEMATUHAN		
			YA (✓) / TIDAK (X)		YA (✓) / TIDAK (X)			YA (✓) / TIDAK (X)	
			TARIKH SEMAKAN		TARIKH SEMAKAN		TARIKH PEMERIKSAAN		
S.39(1) dan S.30	f.	Tiada pintu / laluan yang menghubungkan dengan premis lain selain klinik yang didaftarkan <i>No door or opening connected to the premise other than the registered clinic</i>							
	8.	RUANG MENUNGGU WAITING AREA							
P.37(1)	a.	Bukaan lega bagi laluan pesakit $\geq 1.2m$ <i>Clear opening of patient pathway $\geq 1.2m$</i>							
P.42	b.	Ruang menunggu yang mencukupi <i>Adequate space for waiting area</i>							
P.40(1)	c.	Ruang lega siling : Berhawa dingin ($\geq 2.4m$) atau tidak berhawa dingin ($\geq 3.0m$) <i>Height of ceiling : air-condition ($\geq 2.4m$) or non air-condition ($\geq 3.0m$)</i>							
P.39	d.	Permukaan dinding bagi setiap bilik atau kawasan dalam klinik perubatan swasta hendaklah - (a) daripada bahan bukan toksik, mudah dibersihkan; (b) kemasan yang licin dan boleh dicuci; dan (c) dicat, dikilatkan atau dikemaskan dengan kemasan kalis air yang melebihi garis simbah dalam semua bilik atau kawasan yang terkena simbah atau semburan <i>Wall surfaces of each room or area in a private medical clinic shall be – (a) of non-toxic, easily cleaned materials; (b) smooth and washable finish; and (c) painted, glazed or finished with waterproof finishes extending above the splash line in all rooms or areas that are subject to splash or spray</i>							
	9.	KAUNTER PENDAFTARAN /KAUNTER DISPENSARI RECEPTION COUNTER /DISPENSARY COUNTER							
P.18(1)(b) dan P.90	a.	Memastikan fasiliti awam lain boleh dijadikan mudah akses kepada kakitangan dan pesakit. Perlu ada laluan khas kakitangan untuk ke <i>dispensary</i> / kaunter pendaftaran tanpa melalui Bilik Perundingan / Bilik Rawatan / Bilik X-ray <i>Shall ensure that other public facilities shall be made easily accessible to the staff and patients.</i> Need dedicated staff entrance to <i>dispensary</i> / registration area without passing through Consultation Room / Treatment Room / X-ray Room							

AKTA / PERATURAN / GARIS PANDUAN / STANDARD	NO	PERKARA	PELAN LANTAI	ULASAN	BUKTI BERGAMBAR	ULASAN	PEMERIKSAAN PEMATUHAN PIAWAIAN		ULASAN
			PEMATUHAN		PEMATUHAN		PEMATUHAN		
			YA (✓) / TIDAK (X)		YA (✓) / TIDAK (X)			YA (✓) / TIDAK (X)	
			TARIKH SEMAKAN		TARIKH SEMAKAN		TARIKH PEMERIKSAAN		
P.39	b.	<p>Permukaan dinding bagi setiap bilik atau kawasan dalam klinik perubatan swasta hendaklah -</p> <p>(a) daripada bahan bukan toksik, mudah dibersihkan;</p> <p>(b) kemas yang licin dan boleh dicuci; dan</p> <p>(c) dicat, dikilatkan atau dikemaskan dengan kemas kalis air yang melebihi garis simbah dalam semua bilik atau kawasan yang terkena simbah atau semburan</p> <p><i>Wall surfaces of each room or area in a private medical clinic shall be –</i></p> <p><i>(a) of non-toxic, easily cleaned materials;</i></p> <p><i>(b) smooth and washable finish; and</i></p> <p><i>(c) painted, glazed or finished with waterproof finishes extending above the splash line in all rooms or areas that are subject to splash or spray</i></p>							
	10.	<p>BILIK PERUNDINGAN <i>(nyatakan jumlah)</i> CONSULTATION ROOM <i>(total number)</i></p>	Jumlah: Total:		Jumlah: Total:		Jumlah: Total:		
P.10	a.	<p>Bilangan Bilik Perundingan harus selaras dengan nisbah 1 Pengamal Perubatan Berdaftar kepada 1 Bilik Perundingan. Sekiranya ingin menambah bilangan Bilik Perundingan, Pengamal Perubatan Berdaftar tambahan perlu dinamakan (tidak menjadi OYB di mana-mana KPJKS lain)</p> <p><i>The number of Consultation Room(s) should be in accordance with the ratio of 1 Registered Medical Practitioner to 1 Consultation Room. If more Consultation Rooms needed, an additional Registered Medical Practitioner needs to be named (not PIC in any other PHFAS)</i></p>							
	b.	<p>Justifikasi tujuan dan kegunaan setiap Bilik Perundingan (jika lebih dari 1)</p> <p><i>Justification and purpose of each Consultation Room (if more than 1)</i></p>							
P.37(1), (6)	c.	<p>Bukaan lega pintu $\geq 1.2m$ dan tidak berayun ke koridor</p> <p><i>Door clear opening $\geq 1.2m$ and shall not swing into the corridors</i></p>							
P.91(1) (a)	d.	<p>Ukuran minima 3.0m dan keluasan minima 11.1 m²</p> <p><i>Minimum dimension 3.0m and minimum area of 11.1 m²</i></p>							
P.40(1)	e.	<p>Ruang lega siling :</p> <p>Berhawa dingin ($\geq 2.4m$) atau tidak berhawa dingin ($\geq 3.0m$)</p> <p><i>Height of ceiling :</i></p>							

AKTA / PERATURAN / GARIS PANDUAN / STANDARD	NO	PERKARA	PELAN LANTAI	ULASAN	BUKTI BERGAMBAR	ULASAN	PEMERIKSAAN PEMATUHAN PIAWAIAN		ULASAN
			PEMATUHAN		PEMATUHAN		PEMATUHAN		
			YA (v) / TIDAK (X)		YA (v) / TIDAK (X)		YA (v) / TIDAK (X)	YA (v) / TIDAK (X)	
			TARIKH SEMAKAN		TARIKH SEMAKAN		TARIKH PEMERIKSAAN		
		<i>air-condition (>=2.4m) or non air-condition (>=3.0m)</i>							
P.91(1) (b)(i)-(v)	f.	Pencahaya filem <i>Film illuminator</i>							
	g.	<i>Treatment couch</i>							
	h.	Tabir bagi kebersendirian pesakit <i>Screen for privacy of patient</i>							
	i.	Lampu pemeriksaan <i>Examination light</i>							
	j.	Tempat menyimpan bekalan dan kelengkapan <i>Storage area</i>							
	k.	Kemudahan mencuci tangan – sinki klinikal yang dilengkapi <i>backsplash</i> <i>Hand washing facility – clinical sink with backsplash</i>							
P.38	i.	Kemasan lantai daripada bahan bukan toksik, tidak mudah tergelincir, mudah dicuci dan sesuai bagi fungsi setiap bilik/ kawasan. Tiada permaidani di tangga/ penghadang tangga, tandas dan bilik air/ bilik pembedahan. <i>Floor finishes of each room/ area shall be of non-toxic material, non-skid, easily cleaned and suitable for the functions of each room/ area. No carpets shall be used in the stairways/stair enclosures, toilets and bathrooms/ within surgical room.</i>							
P.45	m.	Sistem Paip Plumbing							
(3)		(i) Kepala paip tanpa pegang untuk kemudahan mencuci tangan dan sinki kakitangan <i>Hands-free faucet on all hand-washing facilities and sinks for staff use</i>							
(4)		(ii) Sistem paip yang dapat mencegah penyambungan silang atau tersedut semula. Lubang limpahan perlu ditutup <i>No water trap piping system. The overflow hole shall be closed</i>							
P.39	n.	Permukaan dinding bagi setiap bilik atau kawasan dalam klinik perubatan swasta hendaklah - (a) daripada bahan bukan toksik, mudah dibersihkan; (b) kemasan yang licin dan boleh dicuci; dan (c) dicat, dikilatkan atau dikemaskan dengan kemasan kalis air yang melebihi garis simbah dalam semua bilik atau kawasan yang terkena simbah atau semburan <i>Wall surfaces of each room or area in a</i>							

AKTA / PERATURAN / GARIS PANDUAN / STANDARD	NO	PERKARA	PELAN LANTAI	ULASAN	BUKTI BERGAMBAR	ULASAN	PEMERIKSAAN PEMATUHAN PIAWAIAN		ULASAN
			PEMATUHAN		PEMATUHAN		PEMATUHAN YA (✓) / TIDAK (X)		
			YA (✓) / TIDAK (X)		YA (✓) / TIDAK (X)				
			TARIKH SEMAKAN		TARIKH SEMAKAN		TARIKH PEMERIKSAAN		
